

**UCAPAN ALU-ALUAN  
YBHG DATUK JIPANUS MOLUKUN  
PENGURUSI KDCA CAWANGAN TG ARU  
SEMPENA “KDCA TG ARU FUND RAISING DINNER”  
PADA 27HB NOVEMBER 2005, DI ATLANTIS SEAFOOD RESTAURANT,  
LUYANG, KOTA KINABALU.**

**Selamat petang, salam sejahtera dan terima kasih, Khususnya kepada:**

- (I) YB Huguan Siou Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, kerana merestui dan menyokong projek ini dan selamat datang kepada Datin Seri Panglima Genevieve Kitingan yang turut hadir di Majlis ini.
- (II) Ybhg Ahli-Ahli Majlis Tertinggi KDCA yang turut menyokong dan sebahagiannya hadir bersama, terutamanya kepada YBhg Dr Othman Minudin, Timbalan Presiden KDCA, yang sudi mewakili YB Huguan Siou, Presiden KDCA untuk merasmikan Majlis ini.
- (III) YB Tan Sri Joseph Kurup, Pengerusi SLDB dan Puan Sri Melinda Kurup.
- (IV) YBhg Datuk Seri Panglima Wilfred M. Bumburing, Timbalan Presiden KDCA.
- (V) YBhg Datuk Claudius Roman, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
- (VI) Datuk-Datuk/Datin-Datin, tuan-tuan/puan-puan dan saudara-saudari sekalian yang hadir.

**Tujuan ‘fund raising dinner’:**

- Fund raising dinner ini memang sebahagian daripada aktiviti tahunan KDCA TG ARU sebagai satu jalan mengumpul dana bagi menjalankan aktiviti-aktiviti.
- Sebahagian daripada kutipan akan disalurkan bagi membiayai penyelenggaraan Bangunan Kebudayaan KDCA TG ARU yang telahpun siap.
- Sebahagian juga daripada dana ini akan disalurkan kepada “Koisaan Education Trust Fund (KETF)”, iaitu satu tabung bagi memajukan tahap pendidikan anak-anak Kadazandusun. Dalam hal ini, tumpuan kami ialah kepada anak-anak ahli-ahli KDCA TG ARU dan juga anak-anak

kadazandusun yang menetap di sekitar Kota Kinabalu, Tanjung Aru, Sembulan, Keapayan, Kobusak dan Nosoob.

### **Sejarah pembangunan kdca tg aru**

- Seperti yang diketahui ramai, KDCA TG ARU sebenarnya telah ditubuhkan pada tahun 19hb Julai 1980. Oleh itu, sebenarnya pada tahun ini, kita sudah mencapai usia dan sepatutnya merayakan ulangtahun ke 25 ataupun "Silver Jubilee".
- Dalam tempoh itu, KDCA TG ARU telah menempuh pelbagai pengalaman pahit-manis serta cabaran-cabaran dalam usahanya untuk mencapai matlamat-matlamat kdca.
- Dari mula sampai sekarang, komposisi ahli jawatankuasa kdca tg aru memang unik dan menarik. AJK-AJK serta ahli-ahlinya datang dari hampir semua pelusuk Sabah yang telah datang mencari pekerjaan di kota kinabalu dan seterusnya menetap di sini. Ahli-ahli ini pun terdiri dari pelbagai lapisan. Ada pegawai-pegawai kerajaan, ada ahli perniagaan, ada suri-suri rumah, ada orang-orang kampung, ada sukarelawan. Yang menariknya, kita ada ahli dari Rungus, Lotud, Liwan, Tangara, Tatana, Sino-Kadazan dsb. Atas kesedaran dan keprihatinan terhadap masadepan masyarakat Kadazandusun keseluruhan maka ahli-ahli ini dapat bersatu padu.
- Sepanjang 25 tahun itu, sebenarnya kita telah mendaftar keahlian hampir 5,000 orang ahli kdca. Bagaimanapun, kerana mereka perlu memperbaharui keahlian, maka pada masa ini, ahli-ahli yang aktif adalah sekitar 200 orang.
- Sepanjang 25 tahun itu juga kita telah menganjurkan banyak aktiviti. Contohnya:
  - (I) Sambutan pesta kaamatan peringkat kota kinabalu
  - (II) Pertandingan nyayian
  - (III) Kursus musik tradisi
  - (IV) Bazaar makanan
  - (V) Menerbitkan buku-buku dan majalah-majalah.
  - (VI) Mendirikan Bangunan KDCA Tg Aru di atas tanahnya sendiri yang seluas 2.19 ekar di kg kipungit, kota kinabalu.
  - (VII) Menyertai aktiviti-aktiviti tahunan kdca induk.

- Antara perkara yang membanggakan kami di kdca tg aru ialah:
  - (I) Masih ada di antara AJK-AJK yang mula-mula menubuhkan KDCA Cawangan Tg Aru masih bergiat hingga ke hari ini. Contoh Sdr James Bonok, Sdr Stephen Poyong, Sdr Andrew Tuining, Sdr Grace Wong Dan Sdr Robert Munang. Saya sendiri telah pun memegang jawatan Pengerusi Cawangan dari mula penubuhan hingga ke hari ini
  - (II) Ada beberapa ahli dan AJK-AJK muda yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan serta profesional telah menyertai KDCA TG ARU. Maksudnya, perjuangan KDCA TG ARU ini pasti akan dapat diteruskan.
  - (III) KDCA TG ARU juga sentiasa ada wakil di Jawatankuasa Pusat KDCA dan turut dalam menentukan arah pembangunan masyarakat Kadazandusun secara keseluruhan. Pada masa ini kita ada tiga (3) wakil, iaitu saya sendiri, sebagai salah seorang Naib Presiden, Datuk George Ginibun sebagai Bandahari Agung, dan Sdr Allan Dumbong sebagai Ahli Majlis Tertinggi Pusat.
  - (IV) Kita juga telah memperolehi tanah seluas 2.19 ekar (0.882 hektar) untuk KDCA di satu lokasi yang strategik iaitu di Kg Kipungit, Jalan QEH-Kepayan Ridge. Selain tanah ini, kita juga telah mendirikan satu bangunan kebudayaan di tanah tersebut. Bangunan ini ada pejabat, ada bilik seminar yang boleh menampung lebih kurang 150 orang. Ruang ini boleh digunakan atau disewakan untuk seminar, kursus, latihan tarian, latihan musik dsb.
  - (V) Kita juga telah menjalankan tanpa gagal Mesyuarat Agung Tahunan dari mula hingga akhir, dan mengemukakan laporan tahunan kepada Pendaftar Pertubuhan-Pertubuhan (Registrar of Societies)

### **Cabaran-cabaran**

- Walaupun kami boleh berbangga dengan beberapa pencapaian, tetapi hati kami belum lagi puas hati kerana kita juga sedar bahawa masyarakat Kadazandusun masih ketinggalan dalam banyak aspek. Banyak sekali yang perlu dibuat demi untuk mengangkat martabat kadazandusun dalam aspek pembangunan ekonomi, perdagangan, pembangunan sosial, pembangunan sumber manusia. Cabaran kita di KDCA TG ARU ialah bagaimanakah kita memperolehi sumber-sumber, khasnya kewangan, untuk membiayai pelaksanaan program-program pembangunan ini?

- Satu lagi cabaran ialah pembangunan sosio-budaya masyarakat Kadazandusun yang turut berhadapan dengan era globalisasi, kapitalisma, dan teknologi maklumat. Cabarannya ialah bagaimanakah kita dapat menyesuaikan diri dan kebudayaan kita dengan perubahan-perubahan di dunia moden ini. Dalam KDCA, kita sentiasa risau kita akan kehilangan bahasa dan identiti budaya. *Boos kah dotokou "atagak boos atagak nogi tinau'u"*. Kita juga susah hati sekiranya anak-anak kadazandusun tidak dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan-tuntutan dunia moden, sehinggakan mungkin ada di antara mereka yang terjebak dalam kancas maksiat ataupun kedurjanaan dadah.
- Satu lagi cabaran yang kita juga dapat lihat ialah bagaimanakah kita masyarakat kadazandusun dapat mengekalkan perpaduan di antara kita. Kita sangat malu bila mana ada orang luar mengatakan bahawa masyarakat kadazandusun ini sentiasa berpecah-belah dan tidak sehaluan. Cabarannya ialah, bagaimanakah kita dapat bersatupadu dan fokus ke arah mencapai "common good" demi untuk bangsa kita, tanpa terlalu memikirkan kepentingan-kepentingan peribadi. Saya fikir kita pasti akan rugi dan ketinggalan jauh sekiranya kita tidak sehaluan dan tidak memikirkan secara serius perpaduan dan kerjasama kita dalam memajukan bangsa kita ini. *Nung bi'ion kozo nga pogisosompuuvan nopo nga poinggiot id suang koubasanan tokou kadazandusun mantad di guhu poh. Om avasi dati do potihombuson tokou pisompuuvan diti.*

### **Majlis "fund raising dinner"**

- sebenarnya, saya tidak bercadang untuk berucap panjang pada majlis ini kerana ini merupakan jamuan makan. Jamuan makan ataupun "mogiilang-ilang" memang sebenarnya merupakan sebahagian daripada kebudayaan kita. Kesempatan kita untuk bersama-sama dan menceritakan perkembangan masing-masing haruslah kita utamakan dalam majlis ini.
- Usaha ini dibuat sebagai salah satu cara meningkatkan keupayaan (capacity building) bangsa kita. Bagaimana rupabentuk masa depan Kadazandusun kelak banyak bergantung kepada bagaimana kita merancang dan melaksanakan program-program pada masa ini.
- Sesungguhnya kami amat berterima kasih kepada Sdra/Sdri sekalian kerana menyokong kami dalam majlis ini. Kami amat memohon maaf sekiranya ada kekurangan-kekurangan yang dapat dilihat daripada penganjuran Majlis ini. Maklumlah kami di kdca tg aru ini pun menghadapi banyak kekurangan dan semua ajk kami juga sibuk dengan

tugas seharian masing-masing. Jadi, mungkin ada beberapa perkara yang tidak sempat diuruskan dengan sempurna.

- Bagaimanapun, saya merasa sangat terhutang budi kepada semua ajk kdca tg aru atas usaha yang bersungguh-sungguh dalam menjayakan jamuan makan pada malam ini. Saya harap mereka akan berusaha terus untuk merancang dan melaksanakan program-program yang berfaedah untuk masyarakat Kadazandusun.
- Terima kasih juga saya tujukan kepada YBhg Dr Othman Minudin, Timbalan Presiden KDCA, kerana telah sudi mewakili YB Huguang Siou untuk bersama-sama dengan kita pada majlis ini. Kami mohon supaya Dr Othman dapat menyampaikan rasa terima kasih kami kepada Huguang Siou di atas restu dan sokongan beliau selama ini terhadap aktiviti-aktiviti kita di KDCA TG ARU.
- Poguhui do pupusan ku boos diti, agazo ginavo ku gumuhi do iso ahal dii noboos ku dii tiinu dii, ih kokomoi "pisompuuvan". Ahansan zou daa do id suang koisaan tokou diti, kaanu tokou migit di slogan "kosompuuvan doid koubasan". Moginung-unung om vanadan tokou noh daa tomoimo mantad savat.
- Dengan kata-kata demikian, sekian dan terima kasih. Kotohuadan!